

Panduan tempoh 'iddah untuk wanita

Usah pandang remeh kerana ia berkait rapat hal keturunan, nafkah, perwarisan dan perwalian



ISLAM telah memberikan panduan yang jelas tentang soal nikah, cerai dan rujuk sebagai hukum yang wajib dipatuhi oleh umatnya. Bagi isu perceraian, terdapat beberapa aspek yang perlu diberi perhatian

antaranya ialah tempoh 'iddah yang wajib dijalani oleh wanita yang diceraikan atau kematian suami. Tempoh 'iddah perlu diambil berat oleh umat Islam kerana ia melibatkan persoalan hukum syarak.


Permasalahan mengenai 'iddah sering kali diambil ringan oleh segelintir umat Islam. Sikap tidak ambil tahu dan menganggap ia remeh merupakan satu kesilapan besar kerana 'iddah amat berkait rapat dengan hal keturunan, nafkah, perwarisan dan perwalian.

Sekiranya tidak dibimbing dan dipandu dengan sebaiknya, umat Islam mungkin tidak dapat memahami dan menghayati konsep 'iddah seperti yang dituntut oleh Islam.

Hikmah 'iddah

Hakikatnya, 'iddah merupakan salah satu daripada perintah ALLAH SWT dan aturan hidup yang telah disyariatkan melalui al-Quran dan hadis. Jika diperhalusi, pensyariatkan 'iddah sebenarnya mempunyai hikmah yang tersendiri, antaranya:

- 1 Memastikan rahim wanita bersih daripada sebarang benih bagi memastikan pertalian nasab atau keturunan dapat dijaga dengan baik;
- 2 Memberi ruang kepada suami dan isteri yang telah melalui fasa perceraian untuk berfikir dan menilai semula tindakan yang telah dilakukan termasuklah kesan kepada perceraian serta memberi peluang kepada suami untuk rujuk kembali kepada isterinya; dan / atau
- 3 Memberikan tempoh bertenang kepada seorang isteri yang kehilangan suami dalam menghadapi kehidupan yang baru. Semoga artikel itu dapat menjadi panduan kepada umat Islam khususnya wanita yang sedang atau bakal menjalani tempoh 'iddah supaya dapat melalui detik-detik tersebut dengan lebih mudah dan tenang.



TEMPOH 'iddah perlu diambil berat oleh umat Islam kerana ia melibatkan persoalan hukum syarak seperti hal keturunan, nafkah, perwarisan

Nota: Sebarang persoalan berkenaan perundangan syariah oleh umat Islam di negeri Selangor, boleh menghubungi Unit Syariah, Bahagian Undang-Undang, Majlis Agama Islam Selangor di talian 03-55143643. Sila layari <http://www.mais.gov.my/perkhidmatan-mais/unit-guaman-syarie-ugs> bagi melihat senarai perkhidmatan bantuan guaman syarie yang ditawarkan.

CONTOH PENGIRAAN

Tempoh yang digunakan adalah sebagai contoh sahaja dan tidak boleh dianggap sebagai formula tetap memandangkan tempoh haid dan suci bagi setiap wanita adalah berbeza

Perceraian pada 04.01.2019 dalam keadaan suci

Habis tempoh 'iddah pada permulaan haid ketiga (selepas tiga kali suci) iaitu 25.02.2019

Suci pertama	Haid pertama	Suci kedua	Haid kedua	Suci ketiga	Haid ketiga
20.12.2018 - 05.01.2019	06.01.2019 - 10.01.2019	11.01.2019 - 30.01.2019	31.01.2019 - 04.02.2019	05.02.2019 - 24.02.2019	25.02.2019 - 29.02.2019

Perceraian pada 16.12.2019 dalam keadaan suci

Habis tempoh 'iddah pada permulaan haid keempat (selepas tiga kali suci) iaitu 25.02.2019

Suci pertama	Haid pertama	Suci kedua	Haid kedua	Suci ketiga	Haid ketiga
15.12.2018 - 19.01.2019	20.12.2019 - 05.01.2019	06.01.2019 - 10.01.2019	11.01.2019 - 30.01.2019	05.02.2019 - 24.02.2019	25.02.2019 - 29.02.2019

CONTOH PERMASALAHAN

SOALAN	JAWAPAN
Perkahwinan Khayla dan Kamarul telah dikurniakan seorang anak. Pasangan itu telah bercerai pada 18 Mac 2018 dengan talak <i>raj'ie</i> (Khayla dalam keadaan suci dan tidak mengandung). Bagaimanapun, pada 19 Mei 2018 iaitu dalam tempoh 'iddah, Kamarul telah disahkan meninggal dunia. Apakah status 'iddah Khayla?	Pada asalnya, 'iddah Khayla adalah tiga kali suci. Bagaimanapun, kematian Kamarul dalam tempoh 'iddah bagi talak <i>raj'ie</i> telah mengakibatkan perubahan tempoh tersebut berubah kepada empat bulan sepuluh hari bermula daripada hari pertama kematian Kamarul (walaupun tempoh 'iddah tiga kali suci itu telah hampir tamat).
Apakah tempoh 'iddah yang terpakai untuk Khayla jika perceraian itu sebenarnya berlaku dalam keadaan Khayla mengandungkan anak Kamarul?	Tempoh 'iddah Khayla adalah sehingga Khayla melahirkan kandungan tersebut atau kandungan itu telah gugur. Ia tidak berubah dengan kematian Kamarul.
Ketika prosiding kes perceraian antara Rosmah dan Osman, Rosmah telah menyatakan kepada Mahkamah Syariah bahawa beliau tidak mengandung. Dengan kebenaran mahkamah, Osman telah melafazkan cerai kali pertama (talak <i>raj'ie</i>) pada 8 Ogos 2018 terhadap Rosmah. Rosmah telah diperintahkan untuk ber'iddah selama tiga kali suci bermula dari tarikh 08 Ogos 2018. Namun begitu, pada 15 Ogos 2018, Rosmah telah disahkan mengandungkan anak Osman tiga bulan. Adakah tempoh 'iddah selama tiga kali suci masih terpakai?	Tempoh tersebut tidak lagi terpakai dan tempoh 'iddah yang perlu dilalui oleh Rosmah ialah sehingga dia melahirkan anaknya atau kandungannya gugur.

(* Nama dan situasi yang digunakan ialah rekaan semata-mata, tiada kena mengena dengan yang hidup atau yang telah meninggal dunia)

JENIS DAN TEMPOH 'IDDAH

